

SULIT

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
PEJABAT PELAJARAN DAERAH KOTA TINGGI**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
SEJARAH
Kertas 1
Ogos 2023
1 jam**

1249/1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, sila padamkan lorekan yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi **18** halaman bercetak.

1249/1

SULIT

1 Maklumat berikut berkaitan Pembesar Berempat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Peranan Bendahara
<ul style="list-style-type: none">• Ketua pentadbir• Pemangku Sultan• X

Apakah X?

- A Ketua turus angkatan tentera
- B Pengurus perbendaharaan
- C Pengawal peribadi raja
- D Ketua keselamatan kota

2 Pentadbiran kerajaan Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan sistem pentadbiran pusat dan jajahan. Sistem tersebut menggambarkan tentang

- A kepentingan sistem peperiksaan
- B kebijaksanaan pemerintah
- C keperluan tenaga asing
- D kekuatan ketenteraan

3 Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan nasionalisme empayar Uthmaniyyah dan Mesir.

Gerakan	Tindakan
Islah	Melepaskan diri dari penjajah
Pan-Islamisme	X

Apakah X?

- A Mengeluarkan fatwa
- B Menghalang pembaharuan
- C Mengadakan kerjasama
- D Memulihkan ekonomi

4 Bagaimanakah tokoh berikut menggerakkan nasionalisme di Filipina?



Jose Rizal

- A Menggerakkan revolusi
- B Melaksanakan pemulihan agama
- C Mempelopori gerakan propaganda
- D Mengadakan permuafakatan parti politik

5 Jadual berikut berkaitan penulisan kreatif sebelum Perang Dunia Kedua.

Penulis	Novel
Ishak haji Muhammad (Pak Sako)	<ul style="list-style-type: none">• Putera Gunung Tahan• Anak Mat Lela Gila

Apakah kepentingan penulisan novel tersebut?

- I Mencetuskan gerakan Islah
 - II Memperjuangkan kebebasan wanita
 - III Membangkitkan kesedaran kebangsaan
 - IV Meningkatkan kesedaran nikmat kebebasan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

6 Pada tahun 1930-an, muncul golongan masyarakat India yang dilahirkan di Tanah Melayu dan dikenali sebagai “*The Strait Born People*”.

Bagaimanakah masyarakat tersebut memberi kesan kepada perkembangan nasionalisme?

- A Memperjuang hak sama rata
- B Membentuk identiti tersendiri
- C Mengkritik dasar kerajaan kolonial
- D Mengutamakan perkembangan ekonomi

7 Bagaimanakah tokoh berikut mengembalikan maruah bangsa dan negara masing-masing selepas Perang Dunia Pertama?

Pemimpin	Negara
Benito Mussolini	Itali
Adolf Hitler	Jerman

- A Mendapatkan tanah jajahan
- B Memulihkan sistem monarki
- C Mengutamakan perdamaian dunia
- D Menyokong negara-negara kapitalis

- 8 Poster berikut tertera dalam tulisan Jawi, "Ya Allah, terpeliharalah kami oleh tentera Jepun daripada aniaya".



Mengapakah tentera Jepun menggunakan poster tersebut?

- I Menjamin kemerdekaan
 - II Menamatkan sekatan ekonomi
 - III Memenangi hati penduduk tempatan
 - IV Menonjolkan imej sebagai penyelamat
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 9 Mengapakah matlamat pertubuhan berikut tidak dapat dilaksanakan?

Pertubuhan	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)
Pemimpin	Dr. Burhanuddin al-Helmi Ibrahim Haji Yaakob
Matlamat	Kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia

- A Gerakan Fi-Sabilillah tercetus
- B Tentera Jepun menyerah kalah
- C Pemimpin ditangkap tentera Bintang Tiga
- D Pentadbiran Tentera British diperkenalkan

10 Apakah kesan pelaksanaan kandungan kertas putih berikut?

Kertas Putih 6724 membentangkan 13 perkara kandungan Malayan Union yang diluluskan oleh Parlimen British di London pada 22 Januari 1946

- A Dasar dekolonisasi dilaksana
- B Pemerintahan beraja diperkukuh
- C Tanah Melayu menjadi tanah jajahan
- D Pembahagian kuasa kerajaan diperkenal

11 Kata-kata berikut tertera pada sepanduk dalam demonstrasi penduduk Sarawak semasa kedatangan Gabenor pertama Sarawak pada tahun 1946.

"Kami membantah dengan sekeras-kerasnya atas tindakan Brooke menyerahkan Sarawak kepada kolonial Inggeris"

Mengapakah penduduk Sarawak memberi reaksi sedemikian?

- A Sempadan negeri diubah
- B Majlis Tertinggi dibubar
- C Taraf berkerajaan sendiri terjejas
- D Ekonomi orang tempatan diganggu

12 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditandatangani pada 21 Januari 1948 membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

Mengapakah Raja-raja Melayu bersetuju menandatangani perjanjian tersebut?

- I Dasar dekolonisasi dilaksanakan
- II Taraf tanah naungan dikembalikan
- III Syarat kewarganegaraan dilonggarkan
- IV Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Apakah peristiwa yang membawa kepada perisytiharan darurat di seluruh Tanah Melayu pada 18 Jun 1948?

- A** Ancaman gerakan Min Yuen
- B** Serangan terhadap balai polis Bukit Kepong
- C** Pembunuhan pengurus ladang Eropah di Sungai Siput
- D** Pembunuhan Sir Henry Gurney, Persurujaya Tinggi British

14 Jadual berikut berkaitan peristiwa pada zaman darurat.

Tarikh	Peristiwa
17 Julai 1948	Perisytiharan darurat oleh Persurujaya Tinggi British
31 Ogos 1957	Perisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman
31 Julai 1960	Perisytiharan tamat darurat oleh Yang di-Pertuan Agong

Mengapakah kemerdekaan Tanah Melayu diisytiharkan semasa zaman darurat?

- A** Melaksanakan tuntutan Rundingan Baling
- B** Merealisasikan cadangan Suruhanjaya Reid
- C** Melemahkan alasan perjuangan Parti Komunis Malaya
- D** Memenuhi desakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

15 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha ke arah kemerdekaan.

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)	
Tarikh Penubuhan	Januari 1949 dengan menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum
Objektif	Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk di negara ini.

Apakah cadangan jawatankuasa tersebut untuk mencapai objektifnya?

- A Melonggarkan syarat kewarganegaraan
- B Menubuhkan parti politik pelbagai kaum
- C Memperkenalkan sistem sekolah vernakular
- D Memberikan hak sama rata kepada semua kaum

16 Laporan manakah mencadangkan syor berikut sebagai usaha memupuk perpaduan melalui pendidikan?

Sistem Persekolahan Baharu	
Sekolah Rendah	Sekolah Menengah
<ul style="list-style-type: none">• Sekolah Umum menggunakan bahasa Melayu• Sekolah Jenis Umum menggunakan bahasa Inggeris, Cina atau Tamil	Sekolah Menengah Kebangsaan menggunakan bahasa Melayu

- A Laporan Barnes 1951
- B Laporan Fenn-Wu 1951
- C Laporan Woodhead 1955
- D Laporan Razak 1956

17 Hari penamaan calon bagi Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 ditetapkan pada 15 Jun 1955.

Jika Encik Ahmad dapat bertanding dalam pilihan raya tersebut, apakah syarat yang telah dipenuhi?

- I Bebas daripada hutang
 - II Berumur 18 tahun ke atas
 - III Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
 - IV Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

18 Maklumat berikut berkaitan suruhanjaya yang dibentuk pada 8 Mac 1956 setelah mendapat perkenan Raja-raja Melayu.

Pengerusi	Lord Reid (Britain)
Ahli	Sir William Ivor Jennings (Britain) Sir William Mckell (Australia) Hakim B. Malik (India) Hakim Abdul Hamid (Pakistan)

Apakah tugas suruhanjaya tersebut?

- A** Mengkaji Dasar Pendidikan Kebangsaan
- B** Merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- C** Mengadakan Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama
- D** Melaksanakan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan

19 Apakah tugas Jawatankuasa Persediaan Fizikal yang ditubuhkan sebagai persediaan menyambut kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957?

- I Menentukan bunga kebangsaan
- II Menonjolkan identiti negara
- III Menganjurkan kursus protokol
- IV Menyediakan pakaian seragam menteri

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

20 Rancangan berikut diperkenalkan setelah negara kita mencapai kemerdekaan.

Rancangan Buku Merah dilancarkan pada 25 Januari 1961

Apakah kepentingan rancangan tersebut?

- A** Memajukan pendidikan
- B** Memodenkan pertanian
- C** Membangunkan prasarana
- D** Membanteras ancaman komunis

21. Senarai berikut berkaitan jenis kedaulatan.

- Kedaulatan Moden
- Kedaulatan Undang-undang
- Kedaulatan Antarabangsa
- X

Apakah X ?

- A Kedaulatan Raja
- B Kedaulatan rakyat
- C Kedaulatan Tradisional
- D Kedaulatan pemerintahan

22. Bagaimanakah Rukun Negara dapat mengukuhkan kedaulatan negara kita?

- A Memupuk jati diri kaum
- B Membentuk perpaduan kaum
- C Mengekalkan warisan bangsa
- D Mengukuhkan ekonomi negara

23. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan model sistem pemerintahan demokrasi mengikut Britain. Apakah model pemerintahan tersebut?

- A Monarki
- B Parlimen
- C Republik
- D Westminster

24. Maklumat berikut berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Pindan Perlembagaan Persekutuan 1963

- A Pemisahan Singapura
- B Pembentukan Malaysia
- C Pembentukan Suruhanjaya Reid
- D Pelaksanaan Pilihan raya Umum Pertama

25 Bagaimanakah pemerintahan beraja diteruskan selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan

- A Pilihan Raya
- B Raja berkuasa mutlak
- C Sistem Demokrasi Berparlimen
- D Jawatan Yang di-Pertuan Agong

26 Pengasingan kuasa diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan hingga hari ini.

- Badan Perundangan
- Badan Eksekutif
- Badan Kehakiman

Siapakah punca kuasa kepada ketiga-tiga badan ini?

- A Sultan
- B Perdana Menteri
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Majlis Raja-Raja Melayu

27 Antara berikut, yang manakah perkara yang terkandung dalam Senarai Persekutuan ?

- I Kewangan
- II Undang-undang Islam
- III Kerajaan Tempatan
- IV Kewarganegaraan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Agensi apakah ditubuhkan untuk melaksanakan pembangunan tanah berikut?

Menyatukan dan memulihkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar

- A FELDA
- B SCORE
- C FELCRA
- D PERHILITAN

29 Mengapakah Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M.Azahari menentang pembentukan Malaysia pada tahun 1963?

- A Menuntut wilayah Sabah.
- B Menubuhkan Kesatuan Borneo
- C Melambatkan proses kemerdekaan
- D Mengawal kestabilan politik Asia Tenggara

30 Maklumat berikut berkaitan konfrontasi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia .

Tarikh	20 Januari 1963
Perkara	Ganyang Malaysia

Bagaimanakah kerajaan Malaysia menangani perkara tersebut?

- I Menggunakan saluran diplomasi
 - II Menghentikan perdagangan dua hala
 - III Menyekat segala kemasukan rakyat asing
 - IV Mendapatkan sokongan negara luar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31 Ancaman komunis di Semenanjung Malaysia pada fasa kedua pada bulan Mei 1969 hingga Disember 1978 ?

- I Menculik orang awam
 - II Mengalihkkan landasan kereta api
 - III Membunuh anggota keselamatan
 - IV Mengebom tempat awam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

32 Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi isu terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah ?

- I Mencari pasaran baru
 - II Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
 - III Melibatkan kerjasama sektor swasta
 - IV Menetapkan kuota pengeluaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

33 Maklumat berikut berkaitan cadangan Laporan Rahman Talib

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Penggunaan Bahasa yang seragam• Menggunakan kurikulum yang sama |
|--|

Apakah kepentingan cadangan tersebut

- A Menghapuskan buta huruf
- B Mewujudkan perpaduan rakyat
- C Membentuk pelajar yang seimbang
- D Melahirkan generasi berkemahiran tinggi

34 Bagaimanakah matlamat masyarakat yang adil dalam Rukun Negara dapat dicapai?

- I Menjamin kebebasan has asasi
 - II Bebas mengamalkan agama masing-masing
 - III Peluang yang sama menikmati kekayaan negara
 - IV Peluang yang sama untuk bersaing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

35 Apakah jenis tanaman yang diusahakan oleh agensi di bawah

- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)

- I Koko
- II Getah
- III Kelapa Sawit
- IV Kelapa
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Maklumat berikut berkaitan strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam bidang sosial

- Memberikan kemudahan pendidikan
- Mewujudkan masyarakat perdagangan
- X

Apakah X ?

- A Meningkatkan kesihatan rakyat
- B Menambahbaik kemudahan asas
- C Mennggunakan sains dan teknologi
- D Membentuk masyarakat berdisiplin

37 Malaysia menjalinkan hubungan baik dengan negara luar kerana faktor keperluan nasional. Apakah kepentingannya kepada negara kita?

- I Menentukan hala tuju dasar luar negara
 - II Bebas daripada campur tangan kuasa asing
 - III Menjaga kebajikan rakyat Malaysia di luar negara
 - IV Kepentingan ekonomi dan keamanan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

38 Gambar menunjukkan Logo Komanwel



Bagaimanakah penyertaan Malaysia dalam Komanwel dapat mengeratkan hubungan antara negara kita dengan negara anggota.

- I Sukan komanwel
 - II Kerjasama Ekonomi
 - III Penyertaan dalam ZOPFAN
 - IV Menyertai misi pengaman dunia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 39 Dalam menangani isu politik negara Islam, Malaysia menunjukkan sokongan kepada rakyat Palestin melalui Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO).Apakah buktinya?
- A Mengecam campurtangan Britain di Palestin
 - B Menjadi tentera sukarela Malaysia ke Palestin
 - C Memberi bantuan senjata kepada rakyat Palestin
 - D Menyokong sebuah negara merdeka untuk Palestin

- 40 Senarai berikut berkaitan NGO yang mewakili suara Malaysia di pentas dunia

- Aman Palestin
- Muslim Care Malaysia

Apakah sumbangan NGO tersebut

- A Menyalurkan pelbagai bantuan
- B Mengukuhkan hubungan diplomasi
- C Menubuhkan organisasi negara Islam
- D Melaksanakan sistem kewangan Islam

KERTAS SOALAN TAMAT